




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 405 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 38,960 kes. Dua (2) kes kematian direkodkan iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Putatan dan Kudat. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 192 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 35,936 orang. Sejumlah 2,310 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 668 orang di hospital dan 1,642 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 60 orang dan 19 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon hijau ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Tawau iaitu Kluster Kg Pitas mencatatkan sebanyak 65 kes menjadikan jumlah kumulatif 72 kes. Kluster ini berkaitan dengan saringan tempat kerja di sebuah kilang kayu.
- 5 Daripada 405 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 242 kes (59.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada tiga 70 kes (17.3%), saringan bergejala 48 kes (11.9%), dan 45 kes (11.1%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 957 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,537 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,494 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 35.57%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **312,787** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

C. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **96.05%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	97%
2	Kota Belud	96%
3	Kota Kinabalu	96%
4	Kinabatangan	96%
5	Kudat	96%
6	Beaufort	96%
7	Kunak	96%
8	Semporna	96%
9	Penampang	96%
10	Papar	96%
11	Kota Marudu	96%
12	Beluran	96%
13	Sandakan	96%
14	Ranau	96%
15	Lahad Datu	96%
16	Tuaran	96%
17	Keningau	96%
18	Tenom	96%
19	Tawau	96%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis di dua (2) daerah iaitu Lahad Datu dan Semporna.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 104 lokasi di 19 daerah. Hebahan dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

6 Januari 2021